

31 OCT 2001

TIME dotCom-MUDAH ALIH

TIME dotCom AZAM JADI PENERAJU INDUSTRI MUDAH ALIH TAHUN DEPAN

Oleh: Emillia Rosnizar Ahmad Hanipiah

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Sejak kebelakangan ini, banyak yang telah diperkatakan mengenai TIME dotCom Bhd. Daripada catatan kurang langganan tawaran awam permulaannya sehinggalah kepada hasratnya untuk mencari rakan niaga strategik di dalam industri telekomunikasi yang kian sengit persaingannya.

Meskipun terdapatnya cabaran-cabaran seumpama ini, TIME dotCom Bhd telah menanam keazaman untuk menjadi salah sebuah syarikat peneraju dalam perkhidmatan mudah alih menjelang tempoh separuh kedua tahun depan, demikian menurut Ketua Pegawai Eksekutif Bob Fox dalam temubualnya dengan Bernama baru-baru ini.

"Memanglah kami bukannya peneraju pasaran dalam industri mudah alih, dan pada masa yang sama kami tidak pula ketinggalan dalam industri ini. Pendek kata, kami masih berada dalam kelompok ini," kata beliau.

"Kami mempunyai sasaran untuk menjadi salah sebuah peneraju industri ini. Ia akan mengambil masa sehingga tahun depan, mungkin pada tempoh separuh tahun kedua," tambah beliau.

Untuk mencapai sasaran ini, Fox berkata syarikat telah melabur lebih daripada RM100 juta ke atas rangkaian mudah alihnya bagi menaik taraf perkhidmatan di samping memperluaskan liputan geografinya.

Baru-baru ini, TIME telah melabur RM15 juta ke atas pusat panggilan dan operasi perkhidmatan pelanggannya di bangunan Menara AA untuk mengubah suai, mengatur semula dan menyelaraskan pusat panggilan, sekali gus mengintegrasikan semua panggilan dari keempat-empat entitinya iaitu TT dotCom Sdn Bhd, TIMECel Sdn Bhd, TIME Reach Sdn Bhd dan TIME dotNet Bhd.

"Kami sentiasa berusaha memperbaiki operasi perniagaan kami, ia adalah sebahagian daripada kami sebagai syarikat yang sedang belajar," jelas beliau.

Menyentuh mengenai Perkhidmatan Radio Paket Am (GPRS), beliau berkata TIME telah melancarkan GPRSnya lewat tahun lepas, tetapi berikutan kekurangan set-set telefon tangan yang ada, ia dijangka dikeluarkan tahun depan.

Apabila ditanya mengenai 3G, beliau berkata TIME "mengalu-alunya dengan sepenuh hati" cadangan yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, untuk tidak menawarkan spektrum ini pada harga yang tinggi melalui lelongan.

TIME mempunyai lebih daripada 5,000km rangkaian optik gentian dan menghubungkan kira-kira 1,000 bangunan jenis komersil di dalam negara.

"Melihat pada perkembangan kandungan kami bagi bahagian talian tetap dan rakan-rakan kandungan yang kami telah sedia ada, kami berkedudukan baik untuk menaik taraf rangkaian kami kepada 3G di masa akan datang," kata beliau.

TIME, yang merupakan antara lima syarikat utama dalam industri telekomunikasi tempatan, kini berusaha keras untuk mencapai sasaran yang diunjurkan bagi tahun kewangan semasa di bawah kajian, kata Fox.

Dengan pengetahuannya di dalam perkhidmatan jalur lebar, Fox, yang memulakan tugasnya pada pertengahan tahun ini, telah disifatkan sebagai "seorang" yang boleh mengembalikan keuntungan kepada syarikat.

Walaupun keputusan kewangan Time bagi separuh tahun berakhir pada 30 Jun, 2001, berkurangan berbanding dengan unjuran pendapatannya RM1.75 bilion dan keuntungan bersih RM150.6 juta, Fox berkata syarikat belum lagi membuat sebarang pindaan rasmi ke atas unjurannya itu.

"Sebagai sebuah syarikat penyenaaraiaan awam, terdapat beberapa prosedur yang perlu dibuat jika kami mahu menyemak semula unjuran yang telah kami buat," kata beliau.

TIME telah mencatatkan pendapatan setengah tahun pertama RM462.7 juta dan keuntungan bersih RM49.9 juta.

Fox mengingatkan yang unjuran yang terkandung di dalam prospektus itu berdasarkan rancangan perniagaan yang dibuat sebelum industri telekomunikasi terjejas oleh kelembapan ekonomi global.

Beliau masih yakin yang unjuran itu boleh dicapai memandangkan syarikat itu telah distrukturkan dalam dua aspek -- situasi hutangnya dan penyusunan organisasi dalam tempoh beberapa bulan lepas.

"Ini telah meletakkan kami pada kedudukan yang lebih cekap untuk menangani cabaran pasaran," kata Fox.

Beliau berkata penyusunan semula TIME tidak membabitkan sebarang pemberhentian pekerja atau mengatur semula jawatan kakitangannya bagi memberi tumpuan kepada bidang-bidang yang berbeza.

Menyentuh mengenai pencarian rakan niaga strategik, Fox tidak menyebut sebarang butiran mengenainya kecuali mengatakan yang ia merupakan isu pemegang saham.

Khazanah Nasional Bhd, cabang pelaburan kerajaan memegang 30 peratus kepentingan dalam TIME di bawah perjanjian yang dimeterai tahun lepas.

Ditanya mengenai spekulasi pasaran yang mengatakan yang Singapore Telecommunications Ltd (SingTel) dan NTT DoCoMo Jepun sedang meninjau kepentingan yang bernilai RM2.0 bilion dalam TIME, Fox berkata: "Apa yang boleh saya katakan memang terdapat banyak spekulasi dan memang biasa spekulasi-spekulasi seperti ini, tetapi saya tidak boleh memberi sebarang komen ke atas sebarang khabar angin ataupun spekulasi."

Fox mengalu-alukan persaingan di dalam industri telekomunikasi kerana ini bermakna akan munculnya produk-produk inovatif dan harga dapat dikekalkan pada paras-paras yang berpatutan.

Beliau juga berkata yang syarikat-syarikat telekom akan bekerjasama dan bersaing jika ia memberi manfaat.

"Itulah pendekatan yang kami ambil," kata Fox. -- BERNAMA  
ER SHY FR AA